

Harga minyak masak bersubsidi 1kg kekal RM2.50

um 27/10

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 26 OKT.

PENSTRUKTURAN semula Skim Penstabilan Harga Minyak Masak yang berkuat kuasa 1 November ini menyaksikan harga minyak masak bersubsidi bagi paket satu kilogram (kg) kekal pada harga RM2.50.

Bagi minyak masak lebih daripada satu kilogram, harganya ditentukan mengikut harga pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, penstrukturan semula itu dilakukan berikutan harga minyak sawit mentah telah meningkat kepada RM3,000 per tan metrik berbanding RM2,341 per tan metrik pada Januari 2015.

“Peningkatan mendadak itu menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi untuk November dan Disember depan berjumlah RM200 juta dan ia melebihi peruntukan subsidi RM600 juta di bawah Bajet 2016.

“Sebab itu kita lakukan penstrukturan semula ini segera iaitu untuk kesejahteraan rakyat dan kerajaan, selain memastikan rakyat terutama kumpulan sasar hidup lebih selesa,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Hamzah berkata, Skim Penstabilan Harga Minyak Masak yang sebelum ini diuruskan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diambil alih oleh kementeriannya berdasarkan ketetapan mesyuarat Kabinet pada 21 September lalu.

Menurutnya, kerajaan semanganya tidak menetapkan harga minyak masak botol, bagaimanapun kementerian akan melakukan pemantauan, selain memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan meletakkan harga tidak munasabah.

Beliau berkata, berikutan penstrukturan subsidi itu, kerajaan merancang mengurangkan



HAMZAH ZAINUDIN ketika mengumumkan penstrukturan baharu harga minyak masak di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), Datuk Basaruddin Sadali (kanan). - BERNAMA

bekalan jumlah minyak masak di kawasan sempadan negara bagi mengelakkan bahan mentah itu dijual kepada orang asing.

Tegas beliau, kementeriannya akan menempatkan pegawai-pegawai penguat kuasa di lokasi tertentu termasuk di bahagian sempadan bagi membanteras aktiviti penyeludupan minyak masak.

“Kita tahu ada pihak yang membeli secara borong di Malaysia dan menjual di negara-negara jiran pada harga tertentu. Perkara ini tidak akan dibiarkan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan,” katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, sehingga semalam, pihaknya menahan tiga peruncit di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang kerana terlibat dalam sindiket menyorok minyak masak bernilai RM5,000.



Peningkatan mendadak itu menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi untuk November dan Disember depan berjumlah RM200 juta dan ia melebihi peruntukan subsidi RM600 juta di bawah Bajet 2016.”

HAMZAH ZAINUDIN
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri, Koperasi
dan Kepenggunaan

Harga semasa minyak masak

(sawit tulen)

Minyak masak subsidi paket (1kg)

RM2.50

Minyak masak tidak bersubsidi

500 gram
RM1.85

1kg
RM3.30

2kg
RM6.25

3kg
RM9.00

5kg
RM13.35

